

# Sukan

BERSAMA

SILAT



ISMAIL ALI  
ismail@sph.com.sg

## Sheik Alau'ddin cerita pengalaman menang emas 1993



"ANDA semua mungkin tidak percaya jika saya ceritakan bahawa saya memenangi pingat emas acara tanding kelas terbuka Sukan SEA 1993 di Singapura dalam keadaan buku lali kaki kanan saya membengkak macam belon dengan kesakitan yang tidak dapat digambarkan."

Demikian Sheik Alau'ddin Yacoob Marican memulakan cerita untuk dijadikan perangsang kepada sekumpulan lebih 10 pesilat negara yang hadir di dewan Pusat Kecemerlangan Silat Persekutuan Silat Singapura (Persisi) untuk memulakan latihan harian sebagai persiapan menghadapi Sukan SEA Ke-28 Jun ini.

Namun, berbekal hasrat tidak mahu mengecewakan isteri yang datang memberi sokongan, azam tidak mahu kalah dan semangat juang yang kental, beliau berjaya melupakan kesakitan akibat terpelecut dalam acara menyalakan obor upacara pembukaan Sukan SEA Ke-17 di Singapura itu untuk memenangi pingat emas untuk negara.

"Saya antara atlet yang terpilih membawa obor Sukan SEA untuk dinyalakan. Ketika naik ke platform dalam upacara itu, kaki kanan saya terpelecut dan saya hampir terjatuh dan menyebabkan buku lali saya membengkak dan kesakitan yang amat sangat.

"Kejadian itu berlaku hanya seminggu sebelum giliran saya masuk ke gelanggang. Doktor pasukan berkata saya tidak boleh bertanding dalam keadaan itu.



**KALAU SAYA BOLEH, ANDA PUN BOLEH:** Sheik Alau'ddin masih menyimpan dengan baik pingat emas acara tanding kelas terbuka Sukan SEA 1993 bersama dengan pingat-pingat lain yang dimenangkannya sepanjang pelibatangannya sebagai pesilat negara. - Foto TAUFIK A. KADER